

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan luluskan penggunaan dakwat kekal pada PRU13
The Malaysian Insider
11 Januari , 2012
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 11 Jan — Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan hari ini memutuskan penggunaan dakwat kekal pada pilihan raya umum ke-13 adalah harus dan dibenarkan.

Keputusan itu dicapai berdasarkan tiga kriteria utama dakwat tersebut tidak najis, tidak memudaratkan dan boleh menyerap air.

"Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan hari ini memutuskan penggunaan dakwat kekal pada pilihan raya umum ke-13 adalah harus dan dibenarkan berdasarkan tiga kriteria iaitu dakwat tersebut tidak najis, tidak memudaratkan dan boleh menyerap air," kata Jabatan Penerangan Malaysia di laman Twitter dan Facebook.

Difahamkan mesyuarat yang berlangsung di Putrajaya dipengerusikan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Prof Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin.

Pada Disember lalu, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan dakwat kekal akan digunakan pada pilihan raya umum ke-13 namun perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dari segi kandungan dalam bahan itu.

Penggunaan dakwat kekal adalah antara 10 cadangan yang dikemukakan dalam laporan awal yang dibentangkan oleh jawatankuasa pilihan khas Parlimen bagi pembaharuan sistem pilihan raya di negara ini.

Ia juga merupakan salah satu tuntutan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0).

Pada pilihan raya umum 2008, SPR memperoleh bekalan dari India dengan kos dianggarkan dalam sekitar RM4 juta.

Bagaimanapun penggunaannya dibatalkan pada saat-saat akhir atas alasan keselamatan dan perundangan.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jawatankuasa-fatwa-kebangsaan-luluskan-penggunaan-dakwat-kekal-pada-pru13/>